

MTBM jalin kerjasama dengan Minufa

MAN Truck and Bus (M) Sdn Bhd (MTBM), melantik Minufa Automobile Sdn Bhd (Minufa), bagi mengedarkan kenderaan komersial dan menyediakan khidmat selepas jualan di wilayah Pantai Timur.

Pelantikan itu dilakukan melalui pemeteraian perjanjian wakil jualan di antara kedua-dua syarikat tersebut.

Pengarah Urusan MTBM, Hartmut

Mueller berkata, syarikatnya itu mempunyai reputasi kebolehpercayaan dan kecekapan kos di mana MTBM mengiktiraf akses mudah perkhidmatan selepas jualan.

"Selain itu kemudahan mendapatkan alat ganti tulen juga penting bagi menjaga kos operasi dan penyelenggaraan yang rendah untuk jangka masa panjang.

"Pelantikan Minufa sebagai peng-

urusan jualan, perkhidmatan dan alat ganti (3S) kami untuk pengedar kenderaan akan membantu merangsang objektif tersebut dan mengukuhkan kedudukan kami di Pantai Timur," katanya melalui satu kenyataan media, baru-baru ini.

Berdasarkan perjanjian tersebut, Minufa akan mengendalikan pusat servis MTBM di Kuantan, Pahang.